



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**STATUS LAPORAN KESAN ADVERS SUSULAN IMUNISASI (AEFI)
VAKSIN COVID-19 SEHINGGA 8 APRIL 2022**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), memantau secara berterusan risiko keselamatan semua vaksin berdaftar yang digunakan di Malaysia termasuk vaksin COVID-19 melalui pemantauan laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (*Adverse Events Following Immunisation* (AEFI). NPRA menerima semua jenis laporan AEFI yang disyaki atau berkemungkinan disebabkan vaksin. Statistik yang disediakan adalah berdasarkan semua laporan AEFI yang diterima yang mana hubungkait antara kesan advers dengan vaksin yang diambil belum lagi dinilai dan disahkan.

**LAPORAN AEFI KESELURUHAN BAGI PROGRAM IMUNISASI COVID-19
KEBANGSAAN (PICK)**

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah dimulakan secara rasminya pada 24 Februari 2021. Sejak bermulanya PICK sehingga **8 April 2022**, sejumlah **69,116,358 dos vaksin** COVID-19 telah diberikan terdiri daripada jenama Comirnaty (Pfizer), CoronaVac (Sinovac), Vaxzevria (AstraZeneca), Convidecia (CanSino) dan COVILO (Sinopharm).

Secara keseluruhannya, Sistem Pelaporan AEFI NPRA telah menerima sejumlah **26,071 laporan** AEFI vaksin COVID-19 yang perlu dinilai, termasuk **1,552 laporan** melibatkan penerima **dos penggalak** dan 288 laporan bagi penerima vaksin kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun. **Kadar pelaporan AEFI** melalui Sistem AEFI NPRA ini secara keseluruhannya direkodkan **pada 377 laporan bagi setiap sejuta dos**.

Hasil penilaian ke atas laporan yang diterima, **93% atau 24,240** daripada AEFI yang dilaporkan adalah bagi kes-kes yang tidak serius. Demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan merupakan antara kesan advers yang paling kerap dilaporkan oleh penerima vaksin. Kesan-kesan ini biasanya akan pulih dalam masa satu hingga dua hari.

Daripada jumlah keseluruhan laporan AEFI yang diterima, terdapat **1,831 laporan** (bersamaan kadar **27 laporan bagi setiap sejuta dos**) yang dikategorikan sebagai **AEFI serius berdasarkan klasifikasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)** iaitu merujuk kepada kesan yang menyebabkan kemasukan ke dalam wad, atau pemanjangan tempoh di wad, membahayakan nyawa, menyebabkan kehilangan upaya yang signifikan atau memerlukan intervensi untuk mencegah kerosakan kekal tubuh, menyebabkan kecacatan semasa lahir, atau disyaki menyebabkan kematian.

Semua laporan yang AEFI serius yang diterima ini memerlukan penyiasatan lengkap dan penilaian terperinci sebelum hubungkait kesan yang dilaporkan dan vaksin yang diterima dapat ditentukan. Jumlah laporan AEFI serius yang diterima ini termasuk 610 laporan yang melibatkan kematian di kalangan penerima vaksin COVID-19. Daripada jumlah ini, 460 laporan telah selesai penyiasatan dan penilaian oleh Jawatankuasa Khas Farmakovigilans Vaksin COVID-19 (JFK), yang mana tiada kes kematian yang dilaporkan mempunyai hubung kait secara langsung dengan vaksin yang diterima. Sebanyak 150 laporan masih dalam proses penyiasatan sebelum dinilai oleh JFK.

NPRA juga memantau isu-isu keselamatan berkaitan vaksin COVID-19 yang dikenal pasti di peringkat global yang disebut sebagai *Adverse Events of Special Interest (AESI)*. Terdapat empat (4) jenis AESI yang dipantau iaitu radang otot jantung/lapisan jantung (miokarditis/perikarditis), pembekuan darah vena dengan kiraan platelet rendah (*venous thromboembolism with thrombocytopenia*), kesan alahan berisiko mengancam nyawa (*anaphylaxis*) dan kelemahan otot muka (*acute facial paralysis/Bell's Palsy*) yang dilaporkan berlaku di peringkat global selepas menerima vaksin COVID-19. Hasil pemantauan NPRA, kesan-kesan ini didapati jarang berlaku, konsisten dengan yang dilaporkan di peringkat global. Kadar pelaporan tempatan bagi AESI sehingga 8 April 2022 adalah seperti berikut; *anaphylaxis* (0.9 hingga 4.6 bagi setiap sejuta dos), *acute facial paralysis* (2.0 hingga 3.2 bagi setiap sejuta dos), *myocarditis/ pericarditis*

(Comirnaty: 1.3 bagi setiap sejuta dos) *dan venous thromboembolism with thrombocytopenia* (AstraZeneca: 0.7 bagi setiap sejuta dos).

Penerima vaksin COVID-19 dinasihatkan memantau tahap kesihatan selepas menerima suntikan dan hendaklah segera merujuk ke mana-mana fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang kesan advers yang serius atau kesan yang berpanjangan. Ini bagi membolehkan rawatan segera diberikan dan kesan yang dialami dapat dirawat, selain penyiasatan lanjut dapat dijalankan dengan teliti dan lengkap.

LAPORAN AEFI DI KALANGAN PENERIMA DOS PENGGALAK VAKSIN COVID-19

Pelaksanaan pemberian dos penggalak telah dimulakan di seluruh negara pada 13 Oktober 2021. Pemonitoran AEFI terus dijalankan semasa Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi dos penggalak atau PICK-B. Sehingga 8 April 2022, daripada 69,116,358 dos vaksin COVID-19 yang telah diberikan di bawah PICK, sejumlah 15,889,555 adalah merupakan dos penggalak.

Pelaporan AEFI di kalangan penerima dos penggalak direkodkan berjumlah **1,552 bersamaan kadar 98 laporan bagi setiap sejuta dos**. Ini adalah **lebih rendah** daripada kadar keseluruhan pelaporan AEFI (377 bagi setiap sejuta dos). Daripada jumlah laporan AEFI yang diterima bagi dos penggalak ini, **137 laporan (atau 9%** daripada jumlah laporan AEFI diterima bagi dos penggalak) diklasifikasikan sebagai serius bersamaan kadar 9 laporan bagi setiap juta dos.

NPRA telah menerima 57 laporan AEFI melibatkan kematian di kalangan penerima vaksin dos penggalak yang memerlukan penyiasatan dan penilaian. JFK telah menjalankan penilaian ke atas 25 laporan yang telah lengkap penyiasatan dan didapati kes-kes kematian tersebut tiada hubung kait dengan vaksin yang diterima. Terdapat 32 laporan lagi masih dalam proses penyiasatan sebelum dibentangkan untuk penilaian oleh JFK.

Kesimpulannya, daripada pemantauan laporan AEFI diterima oleh NPRA setakat ini, trend dan kadar pelaporan AEFI yang melibatkan dos penggalak tidak menunjukkan sebarang peningkatan daripada apa yang dilihat semasa pemberian dos primer. Trend pelaporan yang sama juga turut dilaporkan oleh negara lain yang telah menjalankan program imunisasi bagi dos penggalak vaksin COVID-19.

PELAPORAN AEFI VAKSIN COVID-19 BAGI GOLONGAN KANAK-KANAK BERUSIA 5 HINGGA 11 TAHUN (PICKids)

Sehingga 8 April 2022, sejumlah 1,436,625 dos vaksin telah diberikan bagi kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun. Vaksin Comirnaty 10mcg *Concentrate for Dispersion for Injection* (Pfizer-BioNTech) dan vaksin CoronaVac *Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell), Inactivated*.

Setakat ini, sejumlah 288 laporan AEFI telah dilaporkan melibatkan golongan kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun, bersamaan kadar **201 laporan bagi setiap sejuta dos**. Kadar pelaporan AEFI bagi golongan kanak-kanak ini adalah **lebih rendah** berbanding kadar keseluruhan pelaporan AEFI setakat ini (**377 laporan bagi setiap sejuta dos**).

Daripada jumlah ini, **majoriti (94%) laporan AEFI bagi golongan kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun** adalah kesan tidak serius. Kesan yang paling kerap dilaporkan termasuk demam, tindakbalas stres terhadap proses imunisasi, reaksi kegatalan pada kulit, pening dan sakit kepala. Daripada 288 laporan AEFI yang dilaporkan bagi golongan kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun, 18 laporan dikategorikan sebagai AEFI serius. Terdapat 17 kes yang memerlukan kemasukan ke wad untuk rawatan dan pemantauan lanjut. Lima (5) kes telah pulih sepenuhnya manakala dua belas (12) kes di dalam proses pemulihan. Satu (1) kes pula merupakan laporan kes *brought in dead* (BID) dan masih dalam siasatan lanjut. Laporan awal memaklumkan bahawa kanak-kanak ini mempunyai sejarah penyakit sedia ada.

Kadar pelaporan AEFI di kalangan penerima vaksin golongan kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun di Malaysia (0.2 laporan bagi setiap 1,000 dos), adalah setara dengan kadar pelaporan AEFI yang diterima bagi golongan sama di negara-negara lain contohnya di Kanada (0.2 laporan bagi setiap 1,000 dos) dan di Australia (0.6 laporan bagi setiap 1,000 dos). Kadar pelaporan AEFI yang lebih rendah di kalangan kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun berbanding penerima vaksin golongan dewasa turut dilaporkan di negara-negara ini. Kesan advers yang paling kerap dilaporkan di negara-negara tersebut adalah kesan ringan seperti sakit, bengkak, merah dan kegatalan pada tempat suntikan, sakit kepala dan keletihan.

Secara keseluruhannya, trend pelaporan AEFI dalam golongan kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun yang diterima oleh NPRA tidak jauh berbeza dengan apa yang dilaporkan oleh negara-negara rujukan regulatori yang lain dan tiada isu keselamatan yang dikesan di peringkat tempatan dan global susulan penggunaan vaksin COVID-19 di dalam golongan ini. NPRA akan terus memantau keselamatan vaksin COVID-19 yang digunakan di dalam golongan ini.

CARA MELAPORKAN AEFI VAKSIN COVID-19


Penerima vaksin yang mengalami AEFI dinasihatkan untuk melaporkannya melalui saluran telah disediakan oleh KKM. Notifikasi melalui aplikasi MySejahtera boleh dibuat bagi kesan advers tidak serius yang telah disenaraikan dalam aplikasi tersebut. Selain itu, laporan AEFI juga boleh dibuat secara atas talian dengan mengisi borang pelaporan untuk pengguna, iaitu *Consumer Side Effect Reporting Form* (ConSERF) yang boleh diakses di laman sesawang NPRA (www.npra.gov.my) [*Consumers > Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]. Pengguna juga boleh mencetak borang tersebut untuk diisi, dan dihantar melalui e-mel (fv@npra.gov.my) atau pos ke NPRA.

Secara keseluruhannya, pemantauan yang dijalankan ini mendapati risiko kesan advers serius pengambilan vaksin COVID-19 yang digunakan di dalam PICK adalah rendah dan setakat ini perbandingan manfaat-risiko (*benefit over risk*) pemberian vaksin ini kekal positif.

KKM melalui NPRA sentiasa komited dalam memantau dan menilai AEFI yang diterima demi memastikan kebajikan mereka yang terlibat. Data AEFI yang diterima adalah penting bagi memastikan penilaian manfaat-risiko bagi produk vaksin dapat dijalankan secara berterusan.


DR. ROSHAYATI MOHAMAD SANI
PENGARAH BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
13 APRIL 2022

Rajah 1: Bilangan Laporan AEFI Vaksin COVID-19 (Semua Dos)



Majoriti (93%) AEFI yang dilaporkan adalah kes-kes yang tidak serius dan biasanya akan pulih dalam masa 1-2 hari.

Rajah 2: Perbandingan Kadar Pelaporan AEFI Vaksin COVID-19 Mengikut Golongan Umur



Trend pelaporan AEFI di kalangan penerima vaksin kanak-kanak dan remaja adalah setara dengan penerima vaksin dewasa tetapi dengan kadar pelaporan yang lebih rendah.